

Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes

KHALIM ZAINAL
WAN ZULKIFLI WAN HASSAN

ABSTRAK

Masalah disiplin dalam kalangan pelajar merupakan sesuatu yang lumrah dalam dunia pendidikan. Walaupun begitu, masalah disiplin tidak boleh dipandang ringan kerana sekolah merupakan tempat proses pengajaran dan pembelajaran berlaku serta memerlukan suasana yang kondusif supaya keberkesanan kedua-dua proses tersebut berjaya dimanfaatkan oleh pelajar. Namun, terdapat pelajar yang melakukan kesalahan disiplin berulang kali tanpa rasa takut dengan hukuman yang bakal diterima. Kumpulan pelajar ini dikategorikan sebagai pelajar bermasalah disiplin tegar. Tingkah laku mereka tentunya akan memberi kesan kepada pelajar lain di dalam bilik darjah, sedangkan sekolah merupakan tempat untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Menyedari kewujudan pelajar bermasalah disiplin tegar ini, satu penyelidikan telah dilakukan di sebuah sekolah menengah di pinggir bandaraya Kuala Lumpur. Sekolah tersebut telah memilih 10 pelajar bermasalah disiplin tegar yang terdiri daripada pelajar lelaki tingkatan 4. Semua pelajar ini adalah beragama Islam. Satu program pemulihan yang menggunakan pendekatan Islam telah digunakan bagi tujuan pemulihan tingkah laku pelajar tersebut. Pendekatan Islam didapati telah berjaya memulihkan pelajar bermasalah disiplin tegar tersebut.

Kata kunci: Masalah disiplin, pelajar bermasalah disiplin tegar, pendekatan Islam

ABSTRACT

Disciplinary problems is considered as a common phenomenon in education. School as a place for teaching and learning cannot tolerate indiscipline behaviors because school need a conducive environment for teaching and learning process to succeed. There are students that are not affected by rules and regulations set by the school authority and these students had created various disciplinary problems to their school. Thus this situation gave some impact to other students in the school. Student with repeated disciplinary problems are known as hard-core student. With the existence of hard-core students and their effect on teaching and learning in school, a research was done in one of the school in Kuala Lumpur. The school selected 10 hard-core students from form four students. All the students are boys and Muslim. They were put in a special program that used Islamic Approach in dealing with their misbehavior. From the findings, it revealed that Islamic Approach manage to control hard-core students.

Key-words: Disciplinary problems, hard-core student, Islamic Approach

PENGENALAN

Dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, memerlukan tahap disiplin yang tinggi seorang pelajar untuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Sedar tentang situasi tersebut, sekolah perlu menerapkan disiplin pelajar dengan tegas bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Masalah disiplin pelajar merupakan isu universal yang dihadapi oleh semua sekolah di dunia (Cotton, 2001). Di Malaysia, masalah disiplin sering menjadi perhatian media massa dan terus dibincangkan oleh masyarakat seolah-olah tiada penghujungnya. Pelbagai pandangan telah diutarakan oleh masyarakat tentang perlunya tindakan tegas diambil terhadap masalah disiplin yang semakin merosot (Khalim, 2004). Terdapat pihak yang mahukan kaedah tradisional, iaitu penggunaan rotan diperkenalkan semula. Ada yang inginkan lebih kuasa diberikan kepada guru-guru disiplin untuk bertindak. Pihak sekolah juga sering dipersalahkan sekiranya berlaku tindakan guru yang agak melampaui batas terhadap pelajar bermasalah disiplin seperti mencubit yang keterlaluan, merotan sehingga meninggalkan kesan, mengarahkan pelajar berdiri dalam jangka masa yang agak lama dan sebagainya. Daripada tindakan-tindakan yang sering dipaparkan oleh media massa menunjukkan guru-guru seolah-olah tidak ada suatu garis panduan dalam menangani pelajar yang tidak berdisiplin. Sebenarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan pekeliling khusus tentang tatacara menangani pelajar yang tidak berdisiplin di sekolah. Pihak kementerian menyedari bahawa tugas mendisiplinkan pelajar merupakan sesuatu yang berat, tetapi sedar tanpa disiplin yang tegas suasana kondusif tidak akan wujud. Peri mustahaknya disiplin ditegaskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1981).

Disiplin adalah satu aspek kehidupan yang mesti wujud dalam masyarakat. Oleh itu ia hendaklah mendapat perhatian berat dari semua pihak sama ada di sekolah atau di luar sekolah.

Betapa seriusnya masalah disiplin di sekolah terbukti apabila 80 peratus masa guru diperuntukan dalam menguruskan disiplin pelajar (Englander, 1987). Terdapat juga sarjana dan penyelidik yang beranggapan tingkah laku tidak berdisiplin dalam kalangan pelajar adalah kerana kegagalan ibu bapa dan guru-guru menerapkan gaya didikan yang mementingkan nilai dan moral yang mantap (Bennett, 1994). Ada banyak faktor yang menyebabkan mereka melakukan perbuatan-perbuatan tersebut dan faktor-faktor ini lazimnya dikelompokkan kepada faktor sekolah dan faktor luar sekolah seperti persekitaran, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pelbagai lagi. Faktor luar sekolah ini adalah amat kompleks dan sukar diatasi serta di luar kawalan kita (Khalim, 2004). Oleh yang demikian, tugas kita seharusnya tertumpu kepada faktor sekolah yang boleh kita kawal dan ubah seperti mewujudkan iklim yang baik dalam sekolah dan bilik darjah (Liong 2006). Berikut ialah petikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1988) tentang perkara ini:

Hari ini sekolah-sekolah menampung pelajar-pelajar yang lebih tidak seragam, iaitu dari segi sosial, ekonomi dan nilai budayanya kerana peluang-peluang bagi mendapatkan pelajaran adalah terbuka kepada semua pelajar. Selain daripada itu, faktor sekolah juga dikatakan sebagai salah satu sebab yang mempengaruhi disiplin pelajar. Antaranya ialah struktur dan organisasi sekolah, sistem hukuman dan penghargaan kepada pelajar, suasana nilai dan interaksi dalam sekolah, budaya sekolah yang lebih berorientasi akademik dan sikap, tanggapan serta harapan para guru.

Masalah disiplin pelajar kadangkala boleh memberi implikasi yang sangat serius. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat masalah disiplin pelajar telah menyebabkan

berlakunya keganasan seperti penggunaan senjata seperti senjata api untuk mencederakan orang lain (Benbenishty & Astor, 2005). Di negara kita, perkara sedemikian belum lagi berlaku, tetapi sekiranya tidak dibendung tidak mustahil peristiwa sedemikian akan berlaku. Sekiranya sesuatu tingkah laku tidak berdisiplin ataupun tingkah laku bermasalah dilakukan oleh seseorang pelajar secara berulang kali walaupun telah dinasihati, dikaunseling dan diberi amaran, pelajar terlibat dianggap sebagai pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar (Khalim, 2004). Pelajar dalam kategori ini agak bahaya jika berterusan dibiarkan dengan tingkah laku sedemikian. Selalunya pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar akan berakhir dengan tindakan dibuang dari sekolah setelah menjalani proses kaunseling, amaran, berbincang dengan ibu bapa dan gantung persekolahan (Ismail, 2005). Pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar menarik perhatian penyelidik untuk menjalankan satu penyelidikan bagaimana pihak sekolah memulihkan tingkah laku pelajar kategori ini. Tidak adil untuk membuang mereka dari sekolah, sedangkan usia mereka masih muda dan perlu dibentuk agar menjadi insan yang berguna.

Tingkah laku bermasalah sama ada tegar ataupun tidak dapat diterangkan berdasarkan pelbagai teori. Salah satu daripadanya ialah Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977). Teori ini menerangkan pembentukan tingkah laku adalah berdasarkan model-model yang berada di hadapan kita. Sekiranya model tersebut adalah yang menonjolkan contoh teladan yang baik, maka kita juga akan terikut dengan tingkah laku tersebut. Pembelajaran tingkah laku tersebut berlaku berdasarkan peniruan dan penghayatan tingkah laku yang dipertontonkan. Teori ini menggambarkan manusia adalah pasif dan hanya menerima sahaja pengaruh dari luar.

Teori Peneguhan pula mengandaikan sebarang tingkah laku dapat dibentuk berdasarkan peneguhan yang diberikan (Skinner, 1979). Jika individu menonjolkan tingkah laku yang baik, kita perlu terus menggalakkan tingkah laku baik tersebut dengan memberi peneguhan seperti pujian, hadiah, token dan sebagainya lagi yang bersifat memberi galakan. Jika individu menonjolkan tingkah laku negatif, peneguhan tidak diberikan, tetapi digantikan dengan dendaan agar tingkah laku tersebut dapat dikurangkan.

Daripada perspektif Islam pula, tingkah laku yang perlu ditonjolkan oleh setiap insan di dunia adalah tingkah laku positif yang menggambarkan ketaqwaan dan keimanan kepada Allah S.W.T. Dengan demikian manusia perlu berhubung dengan baik antara satu sama lain di dunia ini. Ini akan menjelmakan hubungan persaudaraan sesama Islam dan bukan Islam. Kita sedia maklum bahawa agama Islam merupakan agama persaudaraan dan perpaduan, iaitu suatu agama yang bertindak, berfikir dan bekerja secara sepadu dan sepakat. Perpecahan dalam kalangan umat dewasa ini terjadi disebabkan mereka tidak memenuhi persyaratan ukhawah, iaitu kurangnya mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dengan ibadah yang bersungguh-sungguh (al-Qaradawi, 1985). Allah S.W.T. berfirman, ketaatan beribadah dan ketakwaan sebagai penyelesaian daripada perpecahan umat (al-Hujurat, 49:10 dan al-Anfal, 8 :1).

Persaudaraan yang sebenarnya ialah perhubungan sesama manusia secara berterusan dan mengekalkan persaudaraan itu tanpa mengira warna kulit, keturunan, kekayaan, bangsa dan sebagainya. Dengan kata lain, persaudaraan Islam tidak memilih bulu asalkan beragama Islam (al-Qaradawi 1985). Maka dikira semuanya bersaudara, sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Hujurat (49:10) bermaksud:

Sesungguhnya sesama mukmin itu bersaudara, maka perdamaikanlah atau berbaik-baiklah di antara kamu sekalian, dan takutlah kamu kepada Allah S.W.T., mudah-mudahan kamu mendapat rahmat.

Dalam persaudaraan Islam kalau terdapat seseorang saudara kita memerlukan bantuan atau pertolongan maka menjadi tanggungjawab kita untuk membantu mereka. Kalau sikap tolong-menolong ini menjadi amalan hidup kita, sudah tentu hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat penyayang akan segera tercapai (al-Banna, 2003). Hal ini bertepatan dengan sabda baginda Rasulullah s.a.w. melalui sebuah hadithnya bermaksud: "Tidak dikira beriman seseorang itu sehingga ia kasihkan saudaranya sebagaimana ia kasih kepada dirinya sendiri."

Sesungguhnya, Islam itu dibina atas tanggungjawab, tolong-menolong dan kasih sayang antara individu muslim. Bagi mereka yang berharta lebih utama memberikan harta itu kepada ahli keluarga, kemudian barulah saudara maranya, kemudian sahabat handai dan muslim seluruhnya. Jika kita tidak mengeluarkan harta untuk ahli keluarga atau sanak-saudara, maka ucapan yang baik itu merupakan sedekah (al-Banna, 2003). Hal ini berpandukan kepada hadith Rasulullah s.a.w. bermaksud: "Kata-kata yang baik lagi sedap didengar itu merupakan sedekah."

Berdasarkan al-Quran dan hadith amat jelas Islam menganjurkan manusia hidup dalam keadaan aman damai. Merujuk situasi di sekolah sepatutnya hubungan pelajar dengan pelajar serta pelajar dengan guru adalah dalam keadaan baik. Sekiranya pelajar dalam kalangan orang Islam mengamalkan dan menghayati Islam sepenuhnya maka tidak timbul masalah pelanggaran disiplin di sekolah. Keharmonian dan kesejahteraan dalam mana-mana situasi seperti di sekolah tidak akan wujud seandainya pelajar di sekolah mengetepikan aspek persaudaraan. Oleh kerana itu, untuk mencapai nikmat hubungan baik antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru, perlu diketahui beberapa proses yang membentuk perhubungan baik tersebut (al-Banna, 2003):

1. Melaksanakan proses ta'aruf (saling mengenal)
Adanya interaksi dapat lebih mengenal karakter individu. Perkenalan pertama tentunya kepada penampilan fizikal (Jasadiyyan), seperti tubuh, wajah, gaya pakaian, gaya bicara, tingkah laku, pekerjaan, pendidikan, dan sebagainya. Selanjutnya interaksi berlanjut ke pengenalan pemikiran. Hal ini dilakukan dengan dialog, pandangan terhadap sesuatu masalah, kecenderungan berfikir, tokoh idola yang dikagumi atau diikuti dan lain-lain. Pengenalan terakhir adalah mengenal kejiwaan yang ditekankan kepada upaya memahami kejiwaan, karakter, emosi, dan tingkah laku. Setiap manusia tentunya punya keunikan dan kekhasan sendiri yang memengaruhi kejiwaannya. Proses ukhuwah Islamiyah akan terganggu apabila tidak mengenal karakter kejiwaan ini.
2. Melaksanakan proses tafahum (saling memahami)
Saling memahami adalah kunci ukhuwah Islamiyah. Tanpa tafahum, maka hubungan baik tidak akan berjalan. Proses takruf atau pengenalan dapat diprogram namun proses tafahum dapat dilakukan secara alami bersamaan dengan berjalannya ukhuwah. Dengan saling memahami, maka setiap individu akan mudah mengetahui kekuatan dan kelemahannya dan menerima perbedaan. Dari sini akan lahir ta'awun (saling tolong menolong) dalam persaudaraan. Ukhuwah tidak dapat berjalan apabila seseorang selalu ingin difahami dan tidak berusaha memahami orang lain. Saling memahami keadaan dilakukan dengan cara penyatuan hati, fikiran dan amal. Allah S.W.T. yang menyatukan hati manusia.
3. Melakukan at-ta'aawun (saling tolong menolong)
Bila saling memahami sudah lahir maka timbullah rasa ta'awun. Ta'awun dapat dilakukan dengan hati (saling mendoakan), pemikiran (berbincang dan saling

menasihati) dan bantu membantu. Saling membantu dalam kebaikan adalah kebahagiaan tersendiri. Manusia adalah makhluk sosial yang perlu berinteraksi dan memerlukan bantuan orang lain.

4. Melaksanakan proses takaful (saling menanggung atausenasib sepenanggungan) Peringkat ini muncul setelah proses ta'awun berjalan. Rasa sedih dan senang diselesaikan bersama. Takaful ialah tingkatan persaudaraan yang tertinggi.

Berdasarkan pelbagai teori Barat seperti Teori Pembelajaran Sosial (Bandura 1977), penyelidik cuba untuk melihat keberkesanan Pendekatan Islam dalam menyelesaikan masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar Islam. Sedar tentang betapa seriusnya masalah disiplin pada masa kini, pengkaji telah menjalankan penyelidikan di sebuah sekolah di Kuala Lumpur yang telah menerapkan pendekatan Islam dalam memulihkan pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini cuba menerapkan pendekatan Islam. Sekolah ini mencuba dengan pelajar yang sering melakukan kesalahan disiplin. Sekolah ini mencuba dengan pelajar 10 pelajar lelaki Islam tingkatan 4 sahaja pada peringkat permulaan bagi melihat keberkesanan pendekatan ini. Antara pengisian program ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Program untuk pelajar tegar disiplin

Waktu (Isnin - Jumaat)	Pengisian
7.30 hingga 10.30 pagi	Membaca al-Quran Menunaikan solat sunat Dhuha Tazkirah
1.30 hingga 2.00 petang	Lapor diri kepada guru disiplin di bilik guru disiplin untuk berbincang dengan guru disiplin.

Pada waktu pagi, mereka akan melaporkan diri di surau sekolah. Kedatangan mereka diambil dan seterusnya dengan bimbingan seorang ustaz yang juga merupakan guru disiplin, mereka menunaikan solat sunat dhuha. Ini dikuti dengan membaca al-Quran dan tazkirah. Semua 10 pelajar Islam terlibat ialah pelajar lelaki dan ini memudahkan ustaz untuk membimbing mereka. Kemudian mereka akan menyertai pelajar lain untuk mengikuti pelajaran di dalam kelas masing-masing. Pada pukul 1.30 petang hingga 2.00 petang mereka akan melaporkan diri kepada guru disiplin di bilik guru disiplin. Ustaz tadi beserta guru disiplin yang mengikut giliran akan berbincang dengan pelajar terlibat. Unsur-unsur nasihat yang bertemakan ketaqwaan dan keimanan diberi tumpuan. Rutin berjalan selama 11 bulan daripada bulan Januari hingga bulan November sepanjang sesi persekolahan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui keberkesanan pendekatan Islam dalam memulihkan pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar.

OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti jenis-jenis masalah disiplin yang dilakukan oleh pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar.
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar terus mengulangi tingkah laku tidak berdisiplin di sekolah.
3. Menilai keberkesanan pendekatan Islam terhadap pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar.

Antara persoalan kajian ini ialah :

1. Apakah jenis-jenis masalah disiplin yang dilakukan oleh pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar?
2. Apakahkah faktor-faktor yang menyebabkan pelajar terus mengulangi tingkah laku tidak berdisiplin di sekolah?
3. Apakah kesan pendekatan Islam terhadap pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar?

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan di sebuah sekolah di pinggir bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Sampel kajian terdiri daripada 10 orang murid tingkatan 4 yang menghadapi masalah disiplin tegar telah dipilih oleh pengkaji. Pelajar ini dipilih berdasarkan saranan pihak sekolah berdasarkan kekerapan mereka mengulangi kesalahan disiplin. Rekod disiplin mereka diteliti dan diperoleh daripada unit disiplin sekolah tersebut. Pelajar-pelajar ini ditemubual dan tingkah laku mereka dipantau oleh guru kelas dan ibu bapa di rumah. Di samping itu, ibu bapa dan guru yang mengajar pelajar-pelajar ini juga ditemu bual. Sekolah yang dikaji sedang mengamalkan pengurusan disiplin berdasar surat-surat pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia. Jumlah pelajar sekolah tersebut ialah 2000 orang. Sekolah terlibat telah mengenal pasti 50 pelajar yang sering mengulangi kesalahan disiplin walaupun telah dikaunseling, diberi amaran dan berbincang dengan ibu bapa. Daripada 50 pelajar tersebut, 10 pelajar didapati ketegaran masalah disiplin agak serius berbanding 40 pelajar yang lain. 10 pelajar ini telah dimasukkan dalam program pemulihan dengan menggunakan pendekatan Islam kerana semua pelajar terlibat beragama Islam.

Tumpuan kajian ini adalah tertumpu kepada 10 pelajar ini sahaja. Untuk melihat keberkesanan pendekatan Islam yang dilaksanakan, rekod disiplin dan rekod pencapaian akademik pelajar-pelajar ini akan diteliti. Di samping itu, maklum balas daripada ibu bapa dan guru kelas tentang perubahan tingkah laku mereka juga akan diambil kira dalam menentukan keberkesanan Pendekatan Islam tersebut. Program berjalan untuk tempoh satu tahun sesi pengajian ia itu daripada bulan Januari hingga November. Oleh itu, maklumat tentang jenis-jenis kesalahan disiplin 10 pelajar tersebut diambil pada awal tahun, iaitu berdasarkan kesalahan disiplin tahun sebelum pelaksanaan sehinggalah bulan Februari ataupun Mac tahun pelaksanaan program ini. Maklumat diperolehi berdasarkan temu bual dengan 10 pelajar terlibat. Di samping itu, temu bual dengan guru kelas, guru disiplin serta ibu bapa dilaksanakan bagi mendapat maklumat terakhir pada penghujung tahun, iaitu pada bulan November bagi mengetahui sama ada terdapat perubahan tingkah laku ataupun tidak selepas melalui program tersebut.

Kajian ini dijalankan untuk tempoh satu tahun sesi pengajian sahaja kerana sekolah terlibat melaksanakan program pemulihan pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar tersebut untuk tujuan percubaan sahaja dan tertumpu kepada pelajar Islam sahaja kerana menggunakan pendekatan Islam. Ketika sesi ini berjalan, pelajar terlibat akan ketinggalan pelajaran pada masa program ini dilaksanakan iaitu antara pukul 7.30 pagi hingga 10.30 pagi dan 1.30 petang hingga 2.00 petang. Untuk tujuan tidak mengabaikan pelajaran, mereka diberi kelas tambahan oleh guru mata pelajaran pada setiap hujung minggu ataupun pada hari-hari biasa yang terpilih bagi memantapkan tahap pencapaian akademik mereka.

DAPATAN KAJIAN

Soalan Kajian 1: Apakah jenis-jenis masalah disiplin yang dilakukan oleh pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar?

Daripada maklumat yang diperolehi daripada unit disiplin sekolah, kesalahan disiplin yang kerap dilakukan oleh 10 orang pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar ialah:

1. Hisap rokok
2. Bergaduh dengan menggunakan senjata berbahaya
3. Vandalism
4. Biadap terhadap guru
5. Datang lewat ke sekolah
6. Ponteng kelas
7. Buli

Soalan Kajian 2: Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar terus mengulangi tingkah laku tidak berdisiplin di sekolah.

Daripada temu bual dengan semua pelajar terlibat, jawapan yang kerap diberikan oleh kesemua pelajar adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Hasil Temu Bual Pelajar Masalah Tegar Disiplin Berkaitan Faktor-Faktor yang Menyebabkan Mereka Mengulangi Kesalahan Disiplin

Bil	Peratus	Jawapan Murid
1.	80 %	Pengajaran guru adalah terlalu membosankan dan ini menyebabkan mereka tidak memahami isi kandungan pelajaran tersebut. Akibatnya mereka akan ponteng kelas-kelas terlibat seperti Bahasa Inggeris, Pendidikan Agama Islam, Matematik, Sejarah dan Sains.
2.	90 %	Ada guru yang bersifat perkauman. Oleh kerana mereka merupakan pelajar Melayu, ada dalam kalangan guru yang bukan berbangsa Melayu kurang memberi perhatian kepada mereka dan menganggap mereka sebagai bodoh dan tidak akan berjaya dalam pelajaran walaupun dibantu. Ini menyebabkan mereka berlaku biadap dan tidak hormat kepada guru tersebut. Kadangkala mereka merosakkan harta benda guru tersebut seperti mencalarkan kereta guru tersebut.
3.	85 %	Tidak berpuas hati dengan sikap guru-guru disiplin yang sering menyalahkan mereka walaupun kesalahan yang mereka lakukan adalah terlalu kecil. Kadangkala mereka dituduh melakukan perkara yang mereka tidak lakukan. Mereka juga sering dimalukan di hadapan pelajar-pelajar lain. Ini menyebabkan mereka rasa benci dan berdendam kepada segelintir guru-guru disiplin.
4.	90 %	Pengaruh rakan sebaya yang sering mengajak untuk terlibat dengan pergaduhan, ponteng sekolah, hisap rokok dan membuli murid lain.
5.	100%	Keluarga terlalu sibuk dan tidak peduli mereka. Kebanyakan mereka adalah daripada keluarga pertengahan dan kaya.

Soalan Kajian 3: Apakah kesan pendekatan Islam terhadap pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar?

Selepas 11 bulan pendekatan Islam digunakan, didapati lapan daripada pelajar tersebut telah berubah sepenuhnya, manakala dua orang pelajar masih terlibat dengan kesalahan disiplin (lihat Jadual 3). Walaupun kedua-dua pelajar (pelajar 6 dan 9) terlibat masih melakukan kesalahan disiplin, jumlah tersebut sudah berkurangan, iaitu daripada tujuh kes kepada empat kes sahaja. Ini juga merupakan petanda baik kepada perubahan tingkah laku kedua-dua pelajar tersebut.

Jadual 3: Tingkah Laku Bermasalah Sebelum dan Selepas Pendekatan Islam Diterapkan kepada Pelajar Bermasalah Disiplin Tegar

Pelajar	Jenis Tingkah Laku Bermasalah		Pelajar	Jenis Tingkah Laku Bermasalah	
	Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas
1	Hisap rokok Bergaduh Biadap Kepada Guru Lewat Datang Sekolah	Tiada	6	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng Buli	Hisap rokok Buli Lewat Datang Sekolah Ponteng
2	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng	Tiada	7	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng	Tiada
3	Hisap rokok Bergaduh Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng	Tiada	8	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng	Tiada
4	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng	Tiada	9	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng Buli	Hisap rokok Buli Lewat Datang Sekolah Ponteng
5	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng	Tiada	10	Hisap rokok Bergaduh Vandalisme Biadap kepada guru Lewat Datang Sekolah Ponteng	Tiada

Bagi pencapaian akademik pula, didapati enam pelajar yang sama telah menunjukkan kemajuan yang ketara dalam jumlah mata pelajaran yang mereka telah lulus. Pelajar 6 dan 9 didapati tidak menunjukkan sebarang perubahan dalam pencapaian peperiksaan mereka (lihat Jadual 4).

Jadual 4: Pencapaian Akademik Pelajar Bermasalah Disiplin Tegar Sebelum dan Selepas Melalui Program Disiplin Berdasarkan Pendekatan Islam

Pelajar	Pencapaian Akademik			
	Mata Pelajaran Sebelum Program		Mata Pelajaran Selepas Program	
	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal
1	2	8	8	2
2	0	10	8	2
3	1	9	10	0
4	0	10	10	0
5	3	7	10	0
6	0	10	10	0
7	0	10	8	2
8	1	9	8	2
9	0	10	10	0
10	0	10	6	4

Hasil Temu Bual dengan Ibu Bapa, Guru Kelas dan Guru Disiplin

Temu bual telah dijalankan ke atas ibu bapa, guru dan guru disiplin. Hasil temu bual menunjukkan bahawa semua ibu bapa berasa sangat gembira dengan perubahan tingkah laku anak-anak mereka yang lebih rajin menunaikan solat dan tidak melakukan kesalahan disiplin. Daripada lima orang guru kelas yang ditemu bual mereka sangat gembira semua pelajar telah menonjolkan tingkah laku yang sangat positif, kecuali dua pelajar, iaitu pelajar 6 dan 9. Walau bagaimanapun, bagi guru kelas terlibat mereka tetap berpuas hati dengan perubahan yang ditunjukkan walaupun tidak ketara sangat. Bagi guru disiplin dan guru kelas mereka optimis sekiranya kedua-dua pelajar terus diletakkan dalam program ini, pasti perubahan tingkah laku dan pencapaian akademik akan lebih menyerlah lagi. Namun, hasil temu bual dengan kedua-dua ibu bapa pelajar tersebut, mereka mengakui anak mereka lebih berdisiplin di rumah, tidak kasar terhadap ibu bapa dan sentiasa menunaikan solat. Ibu bapa mereka tidak berapa kisah pencapaian akademik anak-anak mereka kerana bagi mereka perubahan tingkah laku adalah sangat penting bagi mencapai kejayaan yang lain. Sebagai kesimpulan, daripada temu bual dengan ibu bapa, guru kelas dan guru disiplin, semua yang ditemu bual sangat berpuas hati dengan perubahan tingkah laku 10 orang pelajar tersebut.

PERBINCANGAN

Daripada dapatan kajian didapati lapan daripada 10 pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar telah berubah tingkah laku mereka dan menjadi pelajar yang berdisiplin. Pencapaian akademik mereka juga telah menunjukkan prestasi yang sangat baik. Manakala pelajar 6 dan 9 terdapat perubahan yang agak memuaskan juga kerana daripada tujuh tingkah laku bermasalah, pada penghujung tahun hanya tinggal empat tingkah laku yang masih dilakukan. Pencapaian akademik bagi kedua-dua pelajar ini agak mengecewakan kerana masih gagal dalam semua mata pelajaran. Guru-guru kelas dan guru disiplin juga turut mengakui pelajar 1, 2, 3, 4, 5, 7, 8, dan 10 telah menonjolkan tingkah laku yang baik pada penghujung penggal kedua sesi persekolahan. Guru kelas turut mengakui pencapaian akademik mereka turut meningkat dan mengembirakan ibu bapa kerana perubahan tingkah laku tersebut.

Hasil kajian ini amat jelas bahawa pemantapan iman pelajar terlibat melalui pendekatan Islam, iaitu solat dan tazkirah agama, mampu mengubah tingkah laku mereka. Manusia adalah ciptaan Allah S.W.T. yang terbaik dan Islam mengatakan setiap insan semasa dilahirkan mempunyai sifat atau elemen yang baik atau apa yang dinamakan sebagai fitrah. Manusia dicipta daripada dua unsure, iaitu jasmani yang berpunca daripada tanah dan rohani yang berpunca daripada urusan ketuhanan atau dari alam ketinggian dan kekudusan di sisi Allah S.W.T. Gabungan dua unsur yang berbeza dan berlainan tabiat, sumber dan arah matlamatnya, maka terciptalah insan atau manusia dengan kekuasaan dan kehendak Allah S.W.T. (Abdullah Basmeih 1995). Al-Ghazali (1988) menyatakan bahawa jiwa adalah suatu entiti spiritual yang mengawal fungsi fizikal dan organik manusia serta menguasai deria untuk menjalankan keperluan-keperluan badan. Allah S.W.T. menegaskan bahawa kejadian insan adalah sebaik dan seindah kejadian. Keindahan yang dikehendaki ialah keindahan dalam kedua-dua unsurnya, iaitu jasmani dan rohani. Allah S.W.T. mencipta manusia dengan bentuk yang amat baik. Bentuk lahir atau jasmaninya memang telah indah dan sempurna (al-Tin, 95:4).

Bagi mendapatkan keindahan jiwa atau rohani, maka usaha itu diserahkan kepada setiap insan untuk membentuk kerohaniannya atau keperibadiannya selari dengan

acuan yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Ini kerana manusia diciptakan oleh Allah S.W.T. adalah untuk berkhidmat atau mengabdikan diri kepada-Nya (al-Qaradawi, 1985). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Quran (al-Zariyat, 51:56). Islam sebagai agama yang syumul, komprehensif dan sempurna, menjadikan akhlak sebagai satu cabang yang asasi dalam program hidup individu, malah ia merupakan tuntutan wajib bagi setiap orang. Selain itu, akhlak menjadi asas kepada pembentukan masyarakat (Afif, 1995: 276). Bahkan kedudukannya sangat tinggi sehingga menjadi salah satu tugas yang terpenting Baginda s.a.w. diutuskan ke muka bumi (Al-Manawi, 1994) sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia."

Rasulullah s.a.w. telah memulakan pembentukan personaliti masyarakat Islam dengan membina asasnya terlebih dahulu. Asas yang paling utama dalam pembentukan ini ialah budi pekerti yang mulia. Budi pekerti yang mulia adalah satu-satunya asas yang paling kuat untuk melahirkan manusia yang bersih hati, ikhlas dalam hidup, amanah dalam tugas, cinta kepada kebaikan dan benci kepada kejahatan. Rasulullah s.a.w. adalah contoh yang paling ideal dalam akhlak keislaman. Segala tingkah lakunya menjadi contoh teladan yang baik untuk diikuti dan dicontohi oleh umat Islam (Hamzah Ya'qub, 1978).

Peribadi atau personaliti Muslim adalah peribadi yang tersendiri yang terbentuk daripada latihan-latihan melalui ibadat. Al-Banna (2003) mengatakan antara cara yang terbaik untuk membersihkan jiwa manusia adalah dengan solat-solat yang khusuk. Solat dapat mengilap hati manusia dan dapat membuang segala noda dan dosa serta kekotoran hati. Oleh itu, perlu dilaksanakan dengan cara yang terbaik agar dapat memperbaharui diri dan membersihkan hati. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud "Mintalah pertolongan (untuk menghadapi kesusahan dalam menyempurnakan sesuatu perintah Allah S.W.T.) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) solat" (al-Baqarah, 2:153).

Menurut Hasnan (2008), untuk membina pelajar yang cemerlang dari sudut tingkah laku antaranya adalah dengan melaksanakan ibadah-ibadah yang khusus terutamanya solat lima waktu dan ibadat-ibadat sunat yang lain. Ini kerana menurut beliau, tingkah laku seseorang pelajar terhadap Penciptanya dapat diterjemahkan dengan melakukan ibadah solat yang diwajibkan dan disunatkan. Melalui ibadah ini seorang pelajar bukan sahaja dapat mewujudkan hubungan baik dengan Allah S.W.T., bahkan dia juga dapat membentuk tingkah laku seorang muslim yang sejati. Solat juga boleh menghindarkan dirinya daripada melakukan perkara dan perbuatan yang buruk. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."

Menurut al-Qaradawi (1985), apabila seseorang (pelajar) itu mempunyai kekuatan iman dalam diri mereka, hidup dan amalannya berada dalam batas-batas yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Mereka akan menjauhkan diri dari perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T. dan tidak hayut dalam dosa dan maksiat yang boleh menghancurkan moral dan budi pekerti manusia. Apabila dalam diri manusia itu terdapat pengisian kerohanian dengan iman dan Islam, mereka akan terpelihara kehidupannya, kesihatannya dan kekuatan badannya. Dalam ayat yang lain Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kikir. Apabila ditimpa kesusahan ia berkeluh kesah. Apabila ia mendapat kebaikan ia amat kikir. Kecuali orang-orang yang mengerjakan solat, iaitu mereka yang tetap mengerjakan solat.

(Al-Ma'arij, 70:19-23)

Segala ibadat hendaklah dilakukan dengan ikhlas kepada Allah S.W.T. Keikhlasan adalah satu sifat yang amat dikehendaki dalam Islam. Keikhlasan dalam menyembah Allah S.W.T. akan melahirkan peribadi yang teguh dan lurus. Dengan keteguhan peribadi, akan lahir manusia yang hanya akan tunduk kepada Allah S.W.T. dan tidak mudah mengalah kepada sebarang tipu daya di dunia ini. Sebenarnya segala tingkah laku dan personaliti manusia (pelajar) adalah dipengaruhi oleh elemen-elemen yang ada pada diri mereka. Al-Ghazali (1988) mengatakan tiga faktor mempengaruhi personaliti seseorang termasuk pelajar iaitu sebagaimana berikut:

1. Hati – Rohani manusia yang berpusat kepada naluri rasional. Sejauh mana hati menghayati risalah Allah S.W.T. akan dapat menentukan kualiti hati individu. Terdapat tiga jenis hati yang membentuk personaliti yang berbeza:
 - (a) Hati qalbun: Belum kukuh dengan tuntutan agama memerlukan akal untuk memandu ia bertindak.
 - (b) Hati faadun: Hati individu yang sudah ada keyakinan terhadap risalah Allah S.W.T..
 - (c) Hati lubbun: Hati yang kukuh dapat melahirkan cetusan hati yang rasional dan ikhlas untuk membimbing akal.
2. Nafsu (tabii keinginan) – Nafsu yang membentuk personaliti berbeza:
 - (a) Nafsu ammarah: Individu yang bertindak mengikut kehendak nafsu hingga melakukan sifat-sifat yang jahat dan rosak.
 - (b) Nafsu mutmainnah: Dapat menahan keinginan nafsu syahwat dan mencapai ketenangan.
 - (c) Nafsu mardiah: Individu yang lemah lembut tutur kata, menerima kehendak dan ketentuan Allah S.W.T. dan bersyukur, merasa puas dengan apa yang ada.
 - (d) Nafsu kamilah: Hanya diperoleh oleh para rasul yang mempunyai sifat sempurna.
3. Akal – Anugerah Allah S.W.T. kepada manusia. Keupayaan intelek yang membolehkan manusia berfikir secara rasional. Terdapat tiga jenis akal yang membentuk personaliti berbeza:
 - (a) Akal biasa: Percaya pada apa yang dilihat dan menolak perkara yang abstrak.
 - (b) Akal taakul: Menganalisis berdasarkan sebab-musabab, jenis akal yang sederhana.
 - (c) Akal tadabbur: Berfikir secara ikhlas dan rasional berpandukan kekuatan iman, akal berkualiti tinggi.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa berlaku pada diri manusia interaksi antara hati, nafsu dan akal. Apabila akal tadabbur bercampur dengan hati lubbun dan nafsu mardiah, maka akan dapat melahirkan personaliti pelajar yang unggul. Namun, apabila manusia itu mempunyai akal taakul, hati faadun dan nafsu, mutmainnah, maka ia akan mewujudkan personaliti seimbang. Manakala insan yang mempunyai akal biasa, hati qalbun dan nafsu ammarah akan ditimpa personaliti yang bercelaru.

KESIMPULAN

Agama Islam adalah sumber terpenting bagi akhlak Islam dan faktor terpenting yang mempengaruhi pertumbuhannya. Sekiranya tujuan umum pendidikan dari kaca mata Islam ialah persiapan untuk kehidupan dunia dan akhirat sesuai dengan kehendak Allah S.W.T. maka pembentukan tingkah laku dan akhlak mulia adalah menjadi tujuan utama pendidikan untuk mencapai ketaqwaan dan amal salih. Oleh itu, pendekatan Islam yang dilaksanakan di sekolah yang dikaji merupakan suatu usaha yang mampu

menjadi asas kepada usaha pembentukan tingkah laku pelajar yang berdisiplin. Pembentukan tingkah laku berdisiplin yang diinginkan bukan sekadar bersifat sementara, tetapi terus menjiwai akhlak mulia bagi menjalani kehidupan selepas tamat pengajian. Walaupun Barat telah memperkenalkan pelbagai teori pembentukan tingkah laku, namun Islam menganjurkan suatu pendekatan yang lebih bersifat holistik. Islam menyentuh ke akar umbi, iaitu mewujudkan sifat ketaqwaan kepada Allah S.W.T. Insan yang benar-benar bertaqwa kepada Allah S.W.T. tidak akan melakukan perkara-perkara yang bersifat negatif ataupun mungkar.

Walaupun program yang dilaksanakan di sekolah yang dikaji hanyalah untuk kelompok kecil, tetapi keberkesanan pendekatan Islam adalah sangat menakjubkan dan boleh diteladani bagi menagani masalah disiplin tegar di kalangan pelajar sekolah. Hakikat yang perlu diterima ialah pendekatan agama diperlukan bagi menangani masalah akhlak pelajar. Walaupun ini adalah kajian kes dan tidak boleh dibuat generalisasi, namun hakikat yang perlu diterima oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun ibu bapa ialah, anak-anak dibangku sekolah perlu diberi lebih didikan agama agar secara spiritual jiwa anak-anak mempunyai dinding keagamaan yang dapat menghalang anasir luar yang bersifat negatif daripada dapat meresap masuk dan bersarang dalam diri mereka. Pendekatan Barat yang merujuk kepada teori mereka hanyalah bersifat jangka pendek, contohnya teori peneguhan yang akan berjaya mengubah tingkah laku hanyalah bersandarkan peneguhan yang diberikan untuk ketika sesuatu tingkah laku baik ditonjolkan sahaja. Matlamat pendidikan adalah untuk membentuk suatu peribadi yang akan menonjolkan tingkah laku positif untuk kehidupan seseorang pelajar sehinggalah menjadi ahli dalam masyarakat yang akan meneruskan kehidupannya kelak.

Berdasarkan kajian ini, sekurang-kurangnya dapat membuka lebih ruang kepada pengajaran Pendidikan Islam untuk pelajar Islam dan Pendidikan Moral kepada pelajar bukan Islam di sekolah. Kementerian Pendidikan perlu menambah jumlah jam pengajaran mata pelajaran tersebut agar pelajar dapat dididik dengan nilai baik daripada perspektif agama dan moral supaya terbentuk akhlak baik di kalangan pelajar sekolah. Hanya bersandarkan pemantapan didikan agama sahaja yang akan dapat melahirkan modal insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat, negara dan agama. Negara akan hancur sekiranya modal insan yang kita lahirkan hanyalah mempunyai ilmu pengetahuan sahaja, tetapi moraliti adalah sangat rendah. Ilmu pengetahuan diadun dengan nilai akhlak yang tinggi pasti akan dapat melahirkan rakyat yang mampu bertolak ansur dan seterusnya merealisasikan gagasan "Satu Malaysia" yang menjadi harapan Perdana Menteri dan rakyat Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (1995). Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Banna, Imam Hasan. (2003). Himpunan risalah Al-Banna,. Edisi terjemahan oleh Ustaz Salehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Ghazali. (1988). Ihya' 'ulum al-din. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Al-Manawi, Muhammad Abd Al-Rauf. (1994). Fayd al-Qadir Sharh Jami' Al-Saghir. Beirut: Dur al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1998). Min fiqh al-dawlah fi al-Islam. Terjemahan Juanda Hj. Jaya. Selangor: Maktabah al-Qardhawi.
- Al-Qaradawi. (1985). Iman dan kehidupan. Edisi Terjemahan oleh Fachriddin HS. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Benbenishty, R. & Astor, R. A. (2005). *School violence in context: Culture, neighbourhood, family, school and gender*. New York: Oxford University Press.
- Cotton, K. (2001). *Schoolwide and classroom Discipline*. School Improvement Research Series, Northwest Regional Educational Laboratory.
- Englander, M. E. (1987). *The strategies for classroom discipline*. New York: Praeger Publishers.
- Hasnan Kasan. (2008). *Akhlaq pelajar cemerlang*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- Ismail Noor. (2002). *Prophet Muhammad's leadership: The paragon of excellence, altruistic management, a cross-application to modern management and leadership practice*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1981). *Panduan Am Disiplin Sekolah-Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalim Zainal. (2004). *A comparison of the penalty system program and the conventional program in managing discipline of the secondary school students in Malaysia*. Unpublished Doctoral Thesis. University Putra Malaysia, Selangor Malaysia.
- Liong Lian Tai. (2005). *Masalah disiplin murid di salah sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah Sarikei 2005*. Seminar Penyelidikan Pendidikan 2006. Penyelidikan Pendidikan ke Arah Pemantapan Proses Pengajaran dan Pembelajaran 9 – 11 Oktober 2006. Institut Perguruan Rajang, Sarawak.
- Skinner, B. F. (1979). *The shaping of a behaviorist*. New York: Knppff Inc.

Biodata:

Dr. Khalim Zainal, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mail: kz@ukm.my

Dr. Wan Zulkifli Wan Hassan, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mail: wenzoul@ukm.my

